

GELOXIB-200 (Celecoxib 200mg Capsules)

Celecoxib (200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan GELOXIB-200
2. Bagaimana GELOXIB-200 berfungsi
3. Sebelum mengambil GELOXIB-200
4. Cara menggunakan GELOXIB-200
5. Semasa menggunakan GELOXIB-200
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan GELOXIB-200
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan GELOXIB-200

GELOXIB-200 digunakan untuk merawat sakit akut, sakit kronik dan keradangan pada dewasa. Indikasi ubat ini ialah untuk sakit haid, sakit artritis, *ankylosing spondylitis* dan sakit belakang.

Bagaimana GELOXIB-200 berfungsi

Bahan aktif GELOXIB-200 iaitu *Celecoxib*, ialah sebuah bahan yang bertindak secara spesifik pada enzim yang bernama *cyclooxygenase-2 (COX-2)*. Enzim ini terlibat dalam proses keradangan didalam badan kita.

Sebelum mengambil GELOXIB-200

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil GELOXIB-200 sekiranya anda hamil, sedang merancang keluarga atau disyaki hamil. Ibu yang menyusu tidak boleh mengambil ubat ini. Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Anda tidak boleh ambil GELOXIB-200 jika anda berisiko penyakit

jantung seperti strok atau penyakit jantung iskemia.

Jangan gunakan GELOXIB-200 jika anda pernah mengalami asma, kegatalan kulit atau apa-apa jenis alergi selepas mengambil ubat tahan sakit yang lain seperti *aspirin* atau ubat-ubatan dalam kumpulan *Non-Steroidal Anti Inflammatory Drugs (NSAIDs)*.

-Sebelum mula mengambil

Anda dinasihatkan supaya tidak mengambil GELOXIB-200 sekiranya anda menghidap penyakit yang disenaraikan dibawah. Sila beritahu doktor anda sebelum mengambil GELOXIB-200:

- Sekiranya anda alah kepada *Celecoxib* atau bahan-bahan yang lain didalam ubat ini.
- Sekiranya anda alah kepada kumpulan ubat yang dipanggil '*sulphonamides*'
- Sekiranya anda sedang mengalami ulser atau pendarahan didalam saluran pencernaan.
- Sekiranya anda alah kepada kumpulan ubat yang dipanggil *NSAIDs (Non-Steroidal Anti Inflammatory Drugs)*.
- Sekiranya anda menghidapi penyakit hati yang teruk.
- Sekiranya anda menghidapi penyakit buah ginjal yang teruk.
- Sekiranya anda menghidapi penyakit keradangan usus yang dipanggil *Crohn's disease* atau *ulcerative colitis*.
- Sekiranya anda menghidapi penyakit kegagalan jantung, penyakit jantung iskemia atau penyakit serebrovaskular.
- Sekiranya anda menghidapi atau pernah mengalami masalah peredaran darah.
- Sekiranya anda pernah menjalani pembedahan arteri di kaki.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengambil sebarang ubat yang lain yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai menjual makanan kesihatan.

GELOXIB-200 boleh berinteraksi dengan ubat seperti berikut:

- Ubat sawan seperti *carbamazepine* dan barbiturat
- Antibiotik seperti *rifampicin*
- Ubat psikiatri seperti *lithium*
- Ubat darah tinggi seperti *ACE inhibitors, ARBs, diuretik* dan *beta-blockers*
- Ubat menahan sistem imun seperti *cyclosporine*
- Ubat anti-kulat seperti *fluconazole* dan *ketoconazole*
- Ubat batuk seperti *dextromethorphan*

Sila bincang dengan doktor anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat yang tersenarai sebelum mengambil ubat penahan sakit ini.

Cara menggunakan GELOXIB-200

-Berapa banyak harus digunakan

Ambil GELOXIB-200 seperti yang diarahkan doktor atau ahli farmasi anda. Arahan mereka mungkin berlainan dari maklumat yang terkandung risalah ini. Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Bergantung kepada diagnosis doktor anda, dos yang biasanya disyorkan ialah satu kapsul GELOXIB-200 dua kali sehari.

GELOXIB-200 boleh diambil sebelum atau selepas makanan.

-Bila perlu digunakan

Ambil GELOXIB-200 seperti diarahkan doktor anda.

GELOXIB-200 (Celecoxib 200mg Capsules)

Celecoxib (200mg)

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil GELOXIB-200 selama dinasihatkan doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda terlupa mengambil.

Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Jika hampir tiba masa mengambil dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan nasihat doktor dengan segera atau pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat sekiranya anda atau sesiapa telah mengambil ubat ini secara berlebihan. Patuh arahan ini walaupun tiada tanda-tanda keracunan atau ketidakselesaan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan GELOXIB-200

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini seperti yang diarahkan doktor anda.

Maklumkan kepada semua doktor, ahli farmasi dan doktor gigi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil GELOXIB-200.

Maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan ambil apa-apa ubat-ubatan baru tanpa mendapatkan nasihat doktor anda terlebih dahulu.

Jangan kongsi ubat ini dengan orang lain walaupun mereka mempunyai gejala yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera:

Ubat ini mungkin menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda rasa tidak sihat, pening, penat atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera. Dapatkan nasihat doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan yang lain, GELOXIB-200 boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang biasa dialami disenaraikan dibawah:

Kesan sampingan yang biasa dialami: pening, tekanan darah tinggi, muntah-muntah, sakit perut, cirit-birit, sakit gastrik, kembung perut, kulit gatal, ruam dan bengkak pada anggota tangan atau kaki.

Kesan sampingan serius: *bronchitis* (radang pada paru-paru), kekeliruan, penglihatan kabur dan denyutan jantung tidak teratur.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Jauhkan daripada capaian kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30°C.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sistem kumbahan air atau

melalui sistem pembuangan sampah. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda bagaimana melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin keras berwarna hijau gelap/ hijau gelap saiz '2' yang mengandungi serbuk berbutir putih.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Celecoxib

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, Lactose, Povidone K-30, Isopropyl alcohol, Sodium lauryl sulphate, Kapsul gelatin berwarna hijau gelap/ hijau gelap bersaiz '2'

-Nombor MAL

MAL19016038AZ

Pengilang

Gracure Pharmaceuticals Ltd.
E-1105 RIICO Industrial Area,
Phase-III, Bhiwadi Alwar
(Rajasthan)

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
74-3, Jalan Wangsa Delima 6,
KLSC Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

Tarikh kemaskini RiMUP

-26/07/2021

Nombor Siri

NPRA(R2/1)210723/718